

Mahathir - Umno
UMNO TERIMA PERMOHONAN MARINA

KUALA LUMPUR. 8 Mei (Bernama) -- Bekas naih presiden Semangat 46, Hajah Marina Yusof diterima menganggotai Umno oleh majlis tertingginya yang bermesyuarat di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Presiden Umno berkata, Marina menganggotai Umno menerusi Dahagian Kulim Bandar Baru.

"Dasar kita memanaq, boleh terima siapa sahaja yang kita fikir layak menjadi ahli," katanya kepada pemherita selepas mempengerusikan mesyuarat itu di ibu pejabat parti.

Beliau berkata soalmasalepas seseorang tidak menjadi halangan kerana Umno sedia memberikan pertimbangan dan menerimanya sebagai anggota jika berpuashatidengan permohonannya.

Marina, 51, bertanding atas tiket Semangat 46 dalam pilihan raya umum 1990 tetapi tewas kepada calon Barisan Nasional dari Umno, Encik Mohamad Kamal Hussein bagi kawasan Darlimen Lembah Pantai di sini. -- Lagi

▼08/05/17-38MST

CNS7017

U GB 08-05 00147 BA316

aab,

Mahathir - Umno, 2 Kuala Lumpur

.. Marina, seorang peguam, pernah menjadi anggota majlis tertinggi Umno sebelum parti itu diisytihar tidak sah oleh mahkamah pada 1988 ekoran masalah dalam pemilihan parti pada tahun sebelumnya.

Marina, penyokong kuat Tengku Razaleigh Hamzah yang tewas dalam pemilihan itu bagi jawatan Presiden parti, tidak menyertai Umno yang dihidupkan semula tetapi mengikuti jejak anggota Parlimen Gua Musang itu menyertai Semangat 46.

Beliau dilantik sebagai naib presiden Semangat 46 pada 12 Okt, 1989 dan meletakkan jawatan itu serta semua jawatan lain dalam parti pada bulan November tahun berikutnya.

Dr Mahathir betkata selain Marina, banyak anggota biasa Semangat 46 telah menyertai Umno.

"Saya percaya cuma seorang yang tak hendak masuk (Umno), yang lain semua nak masuk.. lama-lama parti itu tinggal seorang sahajalah," katanya, ielas merujuk kepada Tengku Razaleigh, Presiden Semangat 46. -- Lagi

▼08/05/17-46MST

CNS7031

U GB 08-05 00154 BA318

aab

Mahathir - Umno 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata mesyuarat itu membuat keputusan bahawa semua pemilihan peringkat bahaqian dan cawangan akan diteruskan kecuali di Sabah kerana kemungkinan pilihan raya negeri diadakan.

Lagipun, katanya pemilihan peringkat jawatankuasa bahagian dan cawangan di Sabah diadakan tahun lepas.

"Anggota perwakilan dari Sabah akan tetap menghadiri perhimpunan agung parti November ini dan mempunyai hak mengundi untuk pemilihan Majlis Tertinggi." katanya.

Dr Mahathir juga berkata semua cawangan dan bahagian Umno hendaklah menerima yuran daripada anggota partibagi 1992.

Mengulas mengenai perkara itu kemudiannya, Setiausaha Agung Umno Datuk Mohamed Rahmat berkata ada cawangan dan bahagian enggan menerima yuran berkenaan dengan tujuan menghalang anouota-anggota berkenaan mengambil bahagian dalam pemilihan cawangan atau bahagian.

"Anaaota Umno boleh membuat aduan kepada ibu pejabat jika yuran mereka tidak diterima oleh cawangan dan bahaqian," katanya keppda pemberita. -- Bernama